

27/08/1997

Bandar Proton berkonsep teknologi maklumat

Kadir Dikoh

BANDAR Proton di Tanjung Malim, Perak yang sedang dalam pembinaan akan menjadi bandar automotif pertama di rantau ini yang mempunyai ciri kualiti dan berteknologi tinggi.

Ia bukan sahaja akan menempatkan kilang kedua Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), malah akan turut dilengkapi pembangunan hartanah bercorak futuristik.

Ini termasuk pembinaan kawasan kediaman dan rekreasi, institusi pengajian, tempat ibadah, pusat komersil, perhotelan serta kemudahan lain seperti pusat bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Apabila projek di atas tapak seluas 1,600 hektar itu siap nanti, bandar ini mampu menampung sehingga 250,000 penduduk termasuk kira-kira 60,000 pekerja yang terbabit secara langsung dalam industri Proton.

Yang lebih menarik, bandar itu berkonsepkan teknologi maklumat (IT) dan akan dihubungkan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC). Pihak Proton dijangka membelanjakan RM5.75 bilion untuk membangunkan bandar baru itu yang bakal mengubah wajah Behrang yang selama ini sebuah pekan kecil yang sunyi.

Malah, keceriaan Bandar Proton diserikan lagi dengan pembangunan kawasan sekitar oleh pemaju lain menerusi projek Bandar Baru Tanjung Malim (BBTM). Semua itu, akan menjadi nadi baru dan daya tarikan kepada Tanjung Malim, bandar laluan ke utara sebelum wujudnya Lebuh raya Utara Selatan yang menghadapi zaman malap selepas pembukaan lebuh raya itu tidak lama dulu.

Selain itu, pihak Proton dan KTM Bhd (KTMB) juga merancang membina rel kereta api dari Bandar Proton ke Pelabuhan Klang untuk penghantaran kereta nasional bagi tujuan eksport, yang pastinya membuatkan Tanjung Malim semakin berdaya maju dari segi ekonomi.

Pembangunan kawasan sekitar Tanjung Malim turut memberi kesan kepada nilai hartanah dan yang pasti nilai tanah seperti kebun getah akan naik secara mendadak, semuanya bakal melambai pelabur atau boleh melahirkan golongan usahawan baru di kalangan penduduk tempatan.

Segalanya bermula dengan pemilihan Behrang sebagai Bandar Proton yang akan muncul sebagai pusat kilang automotif terbesar di Asia Tenggara.

Pengerusi Proton yang juga Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong, berkata kilang Proton yang kedua di situ dibangunkan di kawasan seluas 480 hektar daripada jumlah 1,600 hektar yang diperuntukan kerajaan Perak.

"Untuk kilang ini, Proton melabur RM1.8 bilion yang dijangka siap menjelang Ogos 1999 dan bakal menjadi kilang kereta terbesar di Asia Tenggara," katanya selepas melancarkan upacara menanam cerucuk pertama bagi menandakan permulaan kerja di kilang itu di Hulu Behrang, Tanjung Malim, Perak baru-baru ini.

Anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom, Proton City Development Corporation Sdn Bhd (PCDC) akan menguruskan pembangunan Bandar Proton. PCDC terbabit dalam kegiatan hartanah dan pengurusan projek. Sebanyak 60 peratus ekuiti dalam PCDC dipegang oleh Hicom Holding manakala baki 40 peratus lagi milik Proton.

Upacara pecah tanah projek itu dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac tahun lalu.

Bagaimanapun, kerja pembangunan di situ tidak dapat disegerakan kerana tapak milik Jabatan Perkhidmatan Haiwan itu diusahakan dengan projek ternakan lembu dan rusa. Jabatan terbabit kemudian bersetuju menerima

kawasan gantian seluas 2,000 hektar iaitu 1,400 hektar dekat Kubu Gajah dan selebihnya di Lenggong.

Mohd Saleh berkata, tanpa sokongan pihak pentadbiran kerajaan negeri Perak dan juga Jabatan Perkhidmatan Haiwan, besar kemungkinan pihaknya masih belum boleh memulakan kerja pembinaan di situ.

"Pembangunan Bandar Proton ini adalah satu komponen penting yang juga projek utama bagi pembangunan Lembah Bernam iaitu satu pembangunan bersepadu yang dirancang oleh kerajaan Perak di bahagian selatannya.

"Oleh itu, kami akan memastikan bahawa pembangunan di Bandar Proton ini akan mewujudkan sebuah komuniti yang dilengkapi dengan segala kemudahan seperti perumahan, kawasan rtekreasi, institusi pengajian, tempat ibadah, pusat komersil, perhotelan dan kemudahan lain.

"Kehijauan dan keindahan semula jadi kawasan sekitar di sini akan dipelihara dengan baik. Di samping itu, Bandar Proton ini adalah bandar automotif pertama di rantau ini yang mempunyai ciri kualiti dan teknologi tinggi," katanya.

Beliau berkata, teknologi yang akan digunakan di kilang Proton itu nanti adalah teknologi terkini atau "leading-edge technology" bagi memastikan kereta keluarannya berupaya bersaing di pasaran dunia.

Katanya, kawasan khas di sekitar kilang Proton akan turut diagihkan kepada kira-kira 50 vendor bagi pengeluaran komponen sejajar dengan pembangunan perindustrian bersepadu Proton.

"Saya yakin vendor akan menyambut baik undangan kami supaya memindahkan kilang mereka ke Bandar Proton dan turut sama memajukan kawasan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff, berkata kilang kedua itu akan menjadi pusat pemasangan bagi kebanyakan generasi baru kereta kebangsaan.

Ini bermakna, model sedia ada yang dikeluarkan di kilang pertama Proton di Shah Alam, Selangor tidak akan dibuat di kilang baru itu.

Beliau berkata, apabila beroperasi sepenuhnya pada tahun 2000, kilang baru itu berupaya menambahkan pengeluaran 150,000 unit kereta setahun buat permulaan dan ini membawa jumlah pengeluaran Proton kepada 380,000 unit termasuk 230,000 unit daripada kilang di Shah Alam.

Menjelang tahun 2010, kilang kedua itu sahaja akan berupaya mengeluarkan sejuta unit kereta setahun.

(END)